

21/07/1999

Mahathir bimbang prestasi pelajar Melayu

ALOR STAR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedih dengan jurang perbezaan pencapaian akademik pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera yang boleh menimbulkan perasaan iri hati dan menjejaskan kestabilan politik.

Perdana Menteri berkata, kemampuan pelajar Bumiputera sebenarnya setanding kaum lain, tetapi akibat dipengaruhi pihak tertentu, mereka tidak memberi tumpuan terhadap pelajaran, sebaliknya terbabit dalam pelbagai kegiatan, termasuk politik.

Sehubungan itu, beliau meminta guru memberi tumpuan mendidik pelajar bagi mengimbangkan pencapaian Bumiputera dengan kaum lain, khususnya dalam bidang teknologi maklumat (IT).

Kesedihan Dr Mahathir terserlah apabila beliau tidak dapat menahan sebak dan terpaksa memendekkan ucapannya ketika merasmikan Makmal Bijak (Smart Lab) Citibank Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Asma (SMKSA), di sini hari ini.

"Kerajaan berhasrat supaya Bumiputera mampu bersaing, duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan kaum lain.

"Mereka (Bumiputera) cerdas, tetapi tidak bersungguh-sungguh dan terpengaruh dengan pihak tertentu dan akibatnya ketinggalan berbanding bukan Bumiputera.

"Ia mungkin menimbulkan irihati dan jika dibiarkan akan menjejaskan kestabilan politik. Adalah amat mendukacitakan bila ada murid sekolah berdemonstrasi dan tidak memberi tumpuan kepada pelajaran.

"Akibatnya, jurang berbezaan lebih besar dan pertumbuhan negara terganggu kerana perasaan iri hati.

"Saya meminta dan merayu kepada guru supaya beri tekanan untuk seimbangkan pencapaian Bumiputera dan bukan Bumiputera," kata Dr Mahathir dan berhenti berucap sambil kira-kira 1,000 hadirin terdiam melihatnya menahan sebak.

Hadir sama, Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Ketua Eksekutif Citibank Berhad, Robert Matthews.

Makmal Bijak Citibank yang lengkap dengan 40 komputer dan perpustakaan bernilai RM700,000 itu disumbangkan oleh syarikat kewangan berkenaan bagi menjayakan Program Pendidikan Cyberspace.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan mahu Bumiputera, khususnya orang Melayu mampu bersaing setaraf kaum lain, khususnya dalam bidang teknologi maklumat bagi menghadapi era moden akan datang yang mencabar.

Katanya, era teknologi maklumat akan membawa perubahan pantas secara radikal yang akan menyebabkan rakyat serta negara ketinggalan jika tidak melengkapkan diri dengan pengetahuan perkomputeran.

Sambil menekankan kepentingan ilmu komputer dan teknologi maklumat, Perdana Menteri juga meminta guru menentukan mereka dan pelajar dilengkapi dengan pengetahuan mengenainya kerana kerajaan mahu mewujudkan masyarakat celik komputer.

Dr Mahathir berkata, adalah tidak bertanggungjawab bagi guru jika gagal melaksanakan tugas berkenaan, sebaliknya membebankan pelajar dengan ilmu yang tidak berkaitan seperti politik sehingga menjejaskan fikiran pelajar.

"Kita menghadapi masalah besar kerana negara kita pelbagai kaum dan pencapaian mereka berbeza akibat berlainan budaya.

"Ada kaum yang serius terhadap penguasaan ilmu, tekun dan tidak ada masa

untuk kegiatan lain, manakala satu kaum lain mudah terpesong dan tidak belajar kerana (melakukan) kegiatan lain yang tidak perlu dan boleh diserahkan kepada orang lain," katanya.

(END)